

MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 20

23hb September 2004

*TAMBAHAN No. 99
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 324.

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Borang

BAHAGIAN II

LARANGAN MENGENAI IKLAN HASIL TEMBAKAU DAN
TAJAAN, DSB.

4. Larangan mengenai iklan hasil tembakau
5. Larangan mengenai tajaan, dsb.

BAHAGIAN III

KAWALAN PENJUALAN HASIL TEMBAKAU

Peraturan

6. Tawaran, dsb., sampel percuma hasil tembakau
7. Hasil tembakau, dsb., sebagai pemberian atau hadiah
8. Penjualan hasil tembakau kepada orang belum dewasa dilarang
9. Rokok hendaklah dijual di dalam paket yang belum dibuka
10. Mesin layan diri bagi hasil tembakau dilarang

BAHAGIAN IV

LARANGAN MENGENAI MEROKOK

11. Tempat dilarang merokok
12. Tanggungjawab tuan punya, dsb., premis atau kenderaan

BAHAGIAN V

**PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN ORANG
BELUM DEWASA**

13. Larangan mengenai merokok, dsb., terhadap orang belum dewasa
14. Mempamerkan tanda larangan

BAHAGIAN VI

PELABELAN DAN PEMBUNGKUSAN

15. Amaran dicetak pada bekas rokok, kehendak penghurufan, dsb.
16. Pembungkusan rokok

BAHAGIAN VII

TATACARA BAGI PENGAMBILAN SAMPEL

17. Pengambilan sampel
18. Pelabelan sampel
19. Permintaan untuk analisis
20. Perakuan juruanalisis

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Peraturan

21. Peruntukan yang berhubungan dengan kawasan merokok
22. Menteri boleh melarang merokok di dalam sesuatu bangunan atau tempat
23. Perkara yang berhubungan dengan pengkompaunan kesalahan
24. Pemansuhan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993

JADUAL

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hentian pengangkutan awam” termasuklah mana-mana tempat bagi membeli tiket atau bagi naik dan turun mana-mana pengangkutan awam;

“hospital” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan oleh Kerajaan atau oleh mana-mana orang yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi penginapan, rawatan dan penjagaan orang yang memerlukan apa-apa bentuk perkhidmatan jagaan kesihatan;

“iklan hasil tembakau” ertinya apa-apa gambaran, pengumuman, pemberitahuan, maklumat atau iklan yang dibuat dengan apa-apa cara kepada mana-mana orang atau kepada orang awam bagi maksud memajukan secara langsung atau tidak langsung penjualan atau pelupusan hasil tembakau, dan termasuklah iklan—

- (a) melalui apa-apa risalah, pekeliling, brosur, program, senarai harga, label atau pembungkus;
- (b) dengan mempamerkan apa-apa poster, sepanduk, pelekat, notis atau dokumen lain pada mana-mana dinding, papan iklan, atau apa-apa objek atau benda lain;
- (c) melalui apa-apa tulisan atau lukisan pada mana-mana dinding, kenderaan, kalendar, jam, pakaian atau apa-apa objek atau benda lain; atau
- (d) melalui apa-apa komunikasi, sama ada antara orang dengan orang, benda dengan benda, atau orang dengan benda, dalam bentuk bunyi, data, teks, imej visual, isyarat atau bentuk lain atau mana-mana gabungan bentuk-bentuk itu;

“institusi pendidikan” ertinya sekolah atau mana-mana tempat lain sama ada swasta atau awam yang dalam menjalankan kerja sesuatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar di dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah sesuatu tadika;

“institusi pendidikan tinggi” ertinya institusi pendidikan sama ada swasta atau awam yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau penganugerahan yang setaraf, dan pusat pengajian jarak jauh;

“kaunter perkhidmatan” ertinya suatu bahagian atau suatu kawasan sesuatu tempat atau bangunan yang urusan menyediakan perkhidmatan kaunter kepada awam dijalankan;

“kedai berhawa dingin” ertinya mana-mana kedai yang berhawa dingin yang menawarkan atau menjual barang keluaran pengguna atau perkhidmatan kepada orang awam;

“kenderaan awam” ertinya mana-mana kenderaan yang membawa penumpang yang membayar tambang, yang digunakan di darat, air atau udara;

“klinik” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan oleh Kerajaan, pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], pengamal pergigian yang didaftarkan di bawah Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*], atau mana-mana orang lain bagi diagnosis atau rawatan orang yang menghidap atau dipercayai menghidap apa-apa penyakit, mengalami atau dipercayai mengalami apa-apa kecederaan atau mengalami atau dipercayai mengalami apa-apa kelemahan tubuh atau akal;

“kompleks membeli-belah” ertinya mana-mana bangunan yang di dalamnya terdapat rangkaian kedai yang menawarkan atau menjual barang keluaran pengguna atau perkhidmatan pengguna kepada orang awam;

“kompleks sukan” ertinya mana-mana kawasan atau premis yang digunakan bagi aktiviti sukan;

“lapangan terbang” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*];

“merokok” ertinya menyedut dan menghembus asap apa-apa hasil tembakau dan termasuklah memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa hasil tembakau yang bernyala;

“mesin layan diri” ertinya suatu mesin atau peranti yang dibina untuk mengisi hasil tembakau dan secara automatik boleh menjual secara runcit apa-apa hasil tembakau apabila dimasukkan syiling, token atau objek yang seumpamanya ke dalam mesin atau peranti itu;

“orang belum dewasa” ertinya mana-mana orang yang umurnya di bawah lapan belas tahun;

“paket” ertinya suatu kotak berbentuk segi empat tepat;

“perkhidmatan jagaan kesihatan” termasuk—

- (a) perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, perbidanan, kesihatan bersekutu, farmasi, dan ambulans dan apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan;

- (b) tempat tinggal bagi maksud mana-mana perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana hospital;
- (c) apa-apa perkhidmatan untuk memeriksa, mendiagnosis, atau merawat orang yang menghidap apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;
- (d) apa-apa perkhidmatan bagi maksud kesihatan pencegahan atau penggalakan;
- (e) apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana separa profesional jagaan kesihatan;
- (f) perkhidmatan untuk mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa tubuh manusia dengan menggunakan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti atau apa-apa teknologi perubatan lain; atau
- (g) apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan;

“pengilang” ertinya mana-mana orang yang mengilang, memproses, membungkus atau melabel hasil tembakau;

“premis kerajaan” ertinya mana-mana premis yang dimiliki atau dihuni oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

“profesional jagaan kesihatan” termasuklah pengamal perubatan, pengamal pergigian, ahli farmasi, pakar psikologi klinikal, jururawat, bidan, pembantu perubatan, ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan profesional jagaan kesihatan bersekutu lain;

“pusat hiburan” ertinya mana-mana premis atau tempat di mana hiburan awam diadakan dan orang awam dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran;

“rokok” ertinya apa-apa hasil yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya tembakau yang dipotong, dicarik atau dikilang, atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, yang digulung di dalam pembalut kertas tunggal atau lebih, dan yang boleh digunakan dengan serta merta untuk merokok;

“teater” ertinya mana-mana premis yang digunakan bagi persembahan atau pertunjukan apa-apa lakonan pentas, atau apa-apa pertunjukan atau resital muzik, nyanyian atau tarian atau apa-apa pertunjukan filem atau apa-apa peraduan, pertandingan sukan, pameran, lakonan aneka ragam atau keraian lain, di mana orang awam dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran;

“tempat makan berhawa dingin” ertinya mana-mana tempat atau mana-mana bahagian tempat yang berhawa dingin bagi tujuan menghidang makanan, sajian atau makanan dan minuman ringan kepada orang awam, dan termasuklah sesuatu dewan di dalam hotel atau mana-mana bilik atau kawasan di dalam kapal atau kereta api di mana makanan, hidangan atau makanan dan minuman ringan dihidangkan kepada penumpang.

Borang

3. Borang yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini ialah borang yang terkandung dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN II**LARANGAN MENGENAI IKLAN HASIL TEMBAKAU DAN TAJAAN, DSB.****Larangan mengenai iklan hasil tembakau**

4. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) mempamerkan atau melekatkan, atau menyebabkan atau membenarkan dipamerkan atau dilekatkan apa-apa iklan hasil tembakau;
- (b) menjual, atau menyebabkan atau membenarkan dijual apa-apa majalah, surat khabar, filem atau pita video atau apa-apa benda yang mengandungi iklan hasil tembakau;
- (c) mengedar, atau menyebabkan atau membenarkan diedar apa-apa iklan hasil tembakau; atau
- (d) mencetak, menerbitkan atau mengambil bahagian dalam penerbitan—
 - (i) suatu jenama atau cap dagangan yang berhubungan dengan apa-apa iklan hasil tembakau; atau
 - (ii) apa-apa peranti bergambar yang lazimnya dikaitkan dengan suatu jenama atau cap dagangan yang berhubungan dengan apa-apa iklan hasil tembakau.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(3) Peraturan ini tidak terpakai bagi apa-apa iklan hasil tembakau di dalam atau pada sesuatu pembungkusan yang mengandungi hasil tembakau.

(4) Peraturan ini tidak terpakai bagi—

- (a) acara Grand Prix Formula 1 dan apa-apa acara perlumbaan kenderaan motor yang diadakan di Litar Antarabangsa Sepang sebelum 31 Disember 2005; dan
- (b) acara bola sepak sebelum 31 Disember 2004.

Larangan mengenai tajaan, dsb.

5. (1) Tiada seorang pun boleh di bawah apa-apa kontrak, perjanjian, aku janji atau persefahaman, sama ada terikat di sisi undang-undang atau sebaliknya, dengan orang lain—

- (a) mempromosikan suatu hasil tembakau sebagai pertukaran bagi apa-apa tajaan, pemberian, hadiah, upah, biasiswa atau faedah yang serupa yang diberikan atau dipersetujui untuk diberikan oleh orang yang satu lagi itu atau oleh mana-mana orang lain; atau

(b) memberikan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa tajaan, pemberian, hadiah, upah, biasiswa atau faedah yang serupa sebagai pertukaran bagi promosi hasil tembakau oleh orang yang satu lagi itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(3) Peraturan ini tidak terpakai bagi—

(a) acara Grand Prix Formula 1 dan apa-apa acara perlumbaan kenderaan motor yang diadakan di Litar Antarabangsa Sepang sebelum 31 Disember 2005; dan

(b) acara bola sepak sebelum 31 Disember 2004.

BAHAGIAN III

KAWALAN PENJUALAN HASIL TEMBAKAU

Tawaran, dsb., sampel percuma hasil tembakau

6. (1) Tiada seorang pun boleh menawarkan, memberi atau mengedar kepada mana-mana orang suatu sampel percuma hasil tembakau bagi tujuan mendorong atau mempromosikan penjualan hasil tembakau itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Hasil tembakau, dsb., sebagai pemberian atau hadiah

7. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan—

(a) apa-apa objek atau benda bersama-sama dengan apa-apa hasil tembakau sebagai suatu pemberian;

(b) apa-apa hasil tembakau bersama-sama dengan apa-apa hasil tembakau sebagai suatu pemberian; atau

(c) apa-apa hasil tembakau bersama-sama dengan apa-apa objek atau benda sebagai suatu pemberian.

(2) Tiada seorang pun boleh menawarkan apa-apa hasil tembakau, objek atau benda yang mempamerkan suatu iklan hasil tembakau sebagai pemberian.

(3) Tiada seorang pun boleh menawarkan apa-apa hasil tembakau, objek atau benda yang mempamerkan suatu iklan hasil tembakau sebagai suatu hadiah dalam mana-mana loteri, rafel, cabutan bertuah, permainan atau pertandingan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Penjualan hasil tembakau kepada orang belum dewasa dilarang

8. (1) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa hasil tembakau kepada orang belum dewasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Rokok hendaklah dijual dalam paket yang belum dibuka

9. (1) Semua rokok hendaklah dijual dalam suatu paket yang belum dibuka yang mengandungi sekurang-kurangnya dua puluh batang rokok.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Mesin layan diri bagi hasil tembakau dilarang

10. (1) Tiada seorang pun boleh menempatkan, atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan suatu mesin layan diri bagi hasil tembakau di dalam mana-mana premis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

BAHAGIAN IV**LARANGAN MENGENAI MEROKOK****Tempat dilarang merokok**

11. (1) Tiada seorang pun boleh merokok—

- (a) di dalam mana-mana pusat hiburan atau teater, kecuali mana-mana pub, disko, kelab malam atau kasino, pada bila-bila masa apabila tempat itu dibuka kepada orang awam;
- (b) di dalam mana-mana hospital atau klinik;
- (c) di dalam mana-mana lif atau tandas awam;
- (d) di dalam mana-mana tempat makan atau kedai berhawa dingin;
- (e) di dalam mana-mana kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam;
- (f) di dalam mana-mana bangunan yang dinyatakan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* di bawah peraturan 22;
- (g) di dalam mana-mana lapangan terbang;

- (h) di dalam mana-mana premis kerajaan;
- (i) di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan selain bangunan kediaman atau persendirian;
- (j) di mana-mana kawasan di dalam suatu institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;
- (k) di mana-mana kawasan di dalam suatu taman asuhan kanak-kanak;
- (l) di dalam mana-mana bas sekolah;
- (m) di mana-mana tingkat yang mempunyai kaunter perkhidmatan di dalam bangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (n) di dalam mana-mana kompleks membeli-belah;
- (o) di mana-mana kawasan di dalam suatu stesyen minyak;
- (p) di mana-mana kawasan di dalam suatu stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium;
- (q) di dalam mana-mana bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan;
- (r) di mana-mana kawasan di dalam suatu perpustakaan; atau
- (s) di mana-mana kawasan di dalam suatu kafe internet.

(2) Walau apapun subperaturan (1), Menteri boleh, apabila permohonan dibuat, meluluskan mana-mana kawasan sama ada secara tetap atau bagi tempoh yang ditentukan olehnya sebagai kawasan merokok.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Tanggungjawab tuan punya, dsb., premis atau kenderaan

12. (1) Tuan punya atau penghuni premis atau tuan punya kenderaan yang disebut dalam peraturan 11 hendaklah pada setiap masa—

- (a) mempamerkan suatu tanda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga berkenaan dengan larangan merokok di mana-mana bahagian yang mudah dilihat pada premis atau kenderaan itu; dan
- (b) memastikan bahawa tiada seorang pun merokok di dalam premis atau kenderaan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(a) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1)(b) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

(4) Jika suatu kesalahan di bawah perenggan (1)(b) dilakukan oleh tuan punya atau penghuni premis, atau tuan punya kenderaan, adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh itu membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa tiada orang yang merokok di dalam premis atau kenderaan itu.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN ORANG BELUM DEWASA

Larangan mengenai merokok, dsb., terhadap orang belum dewasa

13. (1) Orang belum dewasa yang merokok, mengunyah, membeli atau mempunyai dalam milikannya apa-apa hasil tembakau, sama ada untuk kegunaannya sendiri atau tidak, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), orang belum dewasa boleh mempunyai dalam milikannya apa-apa hasil tembakau jika dia sedang membantu, menjalankan atau melaksanakan suatu jualan di dalam mana-mana kedai, gerai atau tempat makan.

Mempamerkan tanda larangan

14. (1) Mana-mana orang yang menjual hasil tembakau hendaklah pada setiap masa mempamerkan dengan cara yang mudah dilihat suatu tanda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat berkenaan dengan larangan menjual hasil tembakau kepada orang belum dewasa di kaunter di mana hasil tembakau dipamerkan atau ditawarkan untuk jualan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

BAHAGIAN IV

PELABELAN DAN PEMBUNGKUSAN

Amaran dicetak pada bekas rokok, kehendak penghurufan, dsb.

15. (1) Maka hendaklah dicetak secara jelas dan mudah kelihatan dalam kedudukan yang ketara pada tiap-tiap paket rokok yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan semasa apa-apa perdagangan atau perniagaan perkataan “AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA—MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN”.

(2) Paket rokok hendaklah juga mempamerkan kenyataan bahawa paras tar dan nikotina dalam miligram (mg) bagi setiap batang rokok tidak melebihi paras maksimum yang dibenarkan yang dinyatakan dalam subperaturan (3).

(3) Paras maksimum yang dibenarkan bagi nikotina ialah 1.5 mg bagi setiap batang rokok dan paras maksimum yang dibenarkan bagi 'tar' ialah 20 mg bagi setiap batang rokok.

(4) Perkataan itu hendaklah ditempatkan pada salah satu panel tepi paket.

(5) Perkataan itu hendaklah dalam huruf besar yang tidak kurang daripada 3 millimeter tingginya dan mengikut warna dan latar belakang yang sama dengan jenama.

(6) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Pembungkusan rokok

16. (1) Pengilang hendaklah membungkus rokok di dalam suatu paket yang mengandungi tidak kurang daripada dua puluh batang rokok.

(2) Mana-mana orang yang semasa apa-apa perdagangan atau perniagaan membekalkan atau menawar untuk membekalkan apa-apa rokok di dalam mana-mana paket hendaklah mematuhi peruntukan subperaturan 16 (1) atau peraturan 15.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

BAHAGIAN VII

TATACARA BAGI PENGAMBILAN SAMPEL

Pengambilan sampel

17. (1) Bagi maksud analisis, seseorang pegawai berkuasa hendaklah mengambil atau selainnya mendapatkan tiga sampel hasil tembakau mengikut seksyen 5 Akta dan hendaklah—

- (a) menandakan dan melakkan atau mengikat sampel itu secara berasingan;
- (b) menawarkan satu sampel kepada penjual, pengilang atau pengimport hasil tembakau, atau ejennya atau pekerjanya;
- (c) menghantar satu sampel secara sendiri atau melalui pegawai berkuasa yang lain atau melalui mel berdaftar A.T.(Akuan Terima) atau perkhidmatan kiriman cepat kepada seorang juruanalisis; dan
- (d) menyimpan satu sampel.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika tidak semunasabahnya dapat diambil tiga sampel hasil tembakau, pegawai berkuasa itu hendaklah mengambil hanya satu sampel dan hendaklah—

- (a) menandakan dan melakkan atau mengikat sampel itu; dan
- (b) menghantar sampel itu sama ada secara sendiri atau melalui pegawai berkuasa yang lain atau melalui mel berdaftar A.T.(Akuan Terima) atau perkhidmatan kiriman cepat kepada seorang juruanalisis.

Pelabelan sampel

18. (1) Pegawai berkuasa hendaklah menyediakan satu label bagi sampel hasil tembakau yang diambil atau didapatkan di bawah peraturan 17.

(2) Label bagi sampel hasil tembakau itu hendaklah dalam empat salinan dengan satu kaunterfoil yang sama sebagaimana dalam Borang 1.

(3) Jika tiga sampel hasil tembakau telah diambil atau didapatkan, pegawai berkuasa hendaklah melekatkan satu daripada label yang dinyatakan dalam subperaturan (2) pada setiap sampel yang diambil atau didapatkan itu, dan label yang selebihnya hendaklah dilekatkan pada borang permintaan bagi analisis.

(4) Dalam hal jika hanya satu sampel hasil tembakau diambil atau didapatkan, pegawai berkuasa itu hendaklah melekatkan hanya satu daripada label pada sampel yang diambil atau didapatkan itu, dan label yang satu lagi hendaklah dilekatkan pada borang permintaan bagi analisis.

Permintaan bagi analisis

19. Permintaan bagi suatu analisis sampel hasil tembakau yang disebut dalam subperaturan 18(3) dan 18(4) hendaklah dalam Borang 2.

Perakuan juruanalisis

20. Suatu perakuan bagi keputusan sesuatu analisis yang diberikan oleh seorang juruanalisis hendaklah dalam Borang 3.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Peruntukan yang berhubungan dengan kawasan merokok

21. (1) Tuan punya atau penghuni mana-mana tempat makan berhawa dingin, hentian pengangkutan awam tidak berhawa dingin atau stadium terbuka boleh menetapkan suatu kawasan yang tidak melebihi satu pertiga daripada tempat makan berhawa dingin, hentian pengangkutan awam tidak berhawa dingin atau stadium terbuka itu sebagai kawasan merokok dan hendaklah mempamerkan papan tanda dengan sewajarnya.

- (2) Jika suatu kawasan merokok telah ditetapkan di bawah subperaturan (1)—
- (a) tuan punya atau penghuni tempat makan berhawa dingin hendaklah memastikan bahawa—
 - (i) kawasan merokok itu diasingkan dengan suatu sekatan daripada kawasan yang dilarang merokok;
 - (ii) tiada seorang pun merokok dalam kawasan selain kawasan merokok; dan
 - (iii) kawasan merokok itu mempunyai kipas penyari dan sistem peredaran udara mekanikal yang mencukupi sebagaimana yang diluluskan oleh pengarah atau pegawai berkuasa;
 - (b) tuan punya atau penghuni hentian pengangkutan awam tidak berhawa dingin atau stadium terbuka hendaklah memastikan bahawa—
 - (i) kawasan merokok itu diasingkan dengan suatu sekatan daripada kawasan yang dilarang merokok; dan
 - (ii) tiada seorang pun merokok dalam kawasan selain kawasan merokok.

(3) Mana-mana tuan punya atau penghuni tempat makan berhawa dingin, hentian pengangkutan awam tidak berhawa dingin atau stadium terbuka yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Menteri boleh melarang merokok dalam sesuatu bangunan atau tempat

22. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut, menyatakan mana-mana bangunan atau bahagian bangunan itu, atau mengisytiharkan sesuatu tempat atau bahagian tempat itu yang orang awam mempunyai akses sebagai kawasan atau tempat yang dilarang merokok.

Perkara yang berhubungan dengan pengkompaunan kesalahan

23. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam subperaturan 8(1), 9(1), 11(1), 13(1), 14(1), 21(2) dan perenggan 12(1)(a) dan (b) boleh dikompaun.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah dalam Borang 4.

(3) Jika orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun dibuat menerima tawaran itu dengan membayar amaun yang dinyatakan, suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepadanya.

Pembatalan

24. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 [*P.U.(A) 383/1993*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
(Peraturan 3)

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

BORANG 1
[Subperaturan 18(2)]

LABEL BAGI SAMPEL HASIL TEMBAKAU

<p>(No. Siri) PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 [Subperaturan 18(2)]</p> <p>Untuk Kegunaan Pejabat</p> <p>No. Rujukan Sampel:</p> <p>Sampel bagi:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tarikh dan masa pungutan:</p> <p>.....</p> <p>Dipungut oleh –</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Alamat:</p> <p>Kandungan bungkusan yang dikatakan –</p> <p>.....</p> <p>Daripada siapa diperoleh-</p> <p>Nama:</p> <p>Alamat:</p> <p>.....</p> <p>Sampel ini telah diperoleh mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bagi maksud analisis.</p>	<p>(No. Siri) PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 [Subperaturan 18(2)]</p> <p>LABEL BAGI SAMPEL HASIL TEMBAKAU (Cop Pejabat)</p> <p>No. Rujukan Sampel:</p> <p>Sampel bagi:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Sampel ini telah diperoleh mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bagi maksud analisis.</p> <hr/> <p>(No. Siri) PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 [Subperaturan 18(2)]</p> <p>LABEL BAGI SAMPEL HASIL TEMBAKAU (Cop Pejabat)</p> <p>No. Rujukan Sampel:</p> <p>Sampel bagi:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Sampel ini telah diperoleh mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bagi maksud analisis.</p> <hr/> <p>(No. Siri) PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 [Subperaturan 18(2)]</p> <p>LABEL BAGI SAMPEL HASIL TEMBAKAU (Cop Pejabat)</p> <p>No. Rujukan Sampel:</p> <p>Sampel bagi:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Sampel ini telah diperoleh mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bagi maksud analisis.</p> <hr/> <p>(No. Siri) PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 [Subperaturan 18(2)]</p> <p>LABEL BAGI SAMPEL HASIL TEMBAKAU (Cop Pejabat)</p> <p>No. Rujukan Sampel:</p> <p>Sampel bagi:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Sampel ini telah diperoleh mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bagi maksud analisis.</p>
--	---

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

BORANG 2
[Peraturan 19]

PERMINTAAN BAGI ANALISIS SAMPEL HASIL TEMBAKAU

No. Rujukan Pejabat:.....

Pejabat Kesihatan

.....
.....
.....

Tarikh:.....

Juruanalisis,

.....
.....
.....

Bersama-sama ini saya sertakan iaitu satu sampel hasil tembakau * dengan sendiri/melalui/melalui mel berdaftar A.T./perkhidmatan kiriman cepat untuk analisis dan (nama pegawai berkuasa)

laporan tuan.

Sampel ini terkandung dalam satu *botol/bungkusan/bekas yang dilakkan dan dilabelkan seperti yang berikut:

	<i>Rujukan Sampel</i>	<i>Jenis Hasil Tembakau</i>	<i>Tarikh Sampel Diambil</i>
1.
2.
3.

Jenis analisis yang dikehendaki bagi sampel adalah seperti yang berikut:

	<i>No. Rujukan Sampel</i>	<i>Jenis Analisis</i>
1.
2.
3.

.....
.....
.....
Nama dan Jawatan Pegawai Berkuasa

Nota - Sampel ini telah diambil mengikut tatacara yang dinyatakan oleh Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004

*Potong yang mana tidak berkenaan

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

BORANG 3

[Peraturan 20]

PERAKUAN JURUANALISIS

NO. MAKMAL:

Kepada :

.....
.....

Saya bertandatangan di bawah ini, seorang juruanalisis yang dilantik di bawah Akta Makanan 1983, dengan ini memperakui bahawa padahari bulan20.....

* telah diserahkan kepada saya oleh

* saya telah menerima melalui mel berdaftar A.T / perkhidmatan kinman cepat daripada

satu sampeldengan No. Rujukan Sampeluntuk dianalisis dalam suatu *yang dilabelkan / ditandakan

.....
.....

dan dilakkan dan bahawa saya telah menganalisiskan sampel tersebut sebelum apa-apa perubahan berlaku dalam konstitusi hasil tembakau itu yang boleh mengganggu analisis itu, dan bahawa keputusan analisis saya adalah seperti yang berikut:

.....
.....
.....

Tarikh:.....

.....
(Nama dan Jawatan Juruanalisis)

* Potong yang mana tidak berkenaan.

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

BORANG 4
[Subperaturan 23(2)]

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Semasa menjawab sila catatkan -

Pejabat:.....

Tempat:.....

No. Rujukan:.....

Tarikh:.....

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan / Puan,

Suatu aduan telah dibuat bahawa kamu telah melakukan kesalahan yang berikut di bawah peraturan
Peraturan -Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 :

Tarikh:.....

Waktu:.....

Tempat:.....

*Kesalahan:.....
.....
.....

2. Kamu adalah dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 33 Akta Makanan 1983, saya bersedia untuk mengkompaun kesalahan ini bagi jumlah sebanyak Ringgit Malaysia..... (RM.....). Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai / kiriman wang / wang pos di pejabat yang dicatatkan di atas dan suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran dibuat.

3. Tawaran untuk mengkompaun ini akan habis tempoh pada Jika pembayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas diterima sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada prosiding selanjutnya akan diambil terhadap kamu berkenaan dengan kesalahan ini. Tetapi jika sebaliknya, pendakwaan akan dimulakan terhadap kamu tanpa notis selanjutnya.

.....
Pengarah / Pegawai Berkuasa

* Berikan butir-butir.
+ Potong yang mana tidak berkenaan.


JADUAL KEDUA

[Perenggan 11(1)(m)]


1. Mana-mana bank atau institusi kewangan
2. Telekom Malaysia Berhad
3. Tenaga Nasional Berhad
4. Pos Malaysia Berhad

JADUAL KETIGA

[Perenggan 12(1)(a)]

BAHAN	BENTUK/SAIZ	PERIHAL	REKA BENTUK
<p>Apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama.</p>	<p>(a) Papan tanda hendaklah berbentuk segi empat tepat.</p> <p>(b) Saiz minimum papan tanda adalah seperti yang berikut:</p> <p>(i) di dalam mana-mana tempat atau premis— 40sm x 50sm;</p> <p>(ii) di dalam mana-mana kenderaan awam— 15sm x 18sm;</p> <p>(iii) di dalam mana-mana teksi— 8sm x 10sm</p>	<p>Suatu bulatan tebal dan tanda palang tebal berwarna merah yang menindih rokok berwarna hitam yang dinyalakan hendaklah digunakan sebagai ilustrasi pada papan tanda. Papan tanda itu hendaklah mempunyai latar belakang berwarna putih. Pesanan “DILARANG MEROKOK” hendaklah ditulis pada papan tanda itu. Huruf pesanan hendaklah berwarna hitam dan jenis huruf ialah Arial.</p>	 <p>DILARANG MEROKOK</p>

JADUAL KEEMPAT
[Subperaturan 14(1)]

BAHAN	BENTUK/SAIZ	PERIHAL	REKA BENTUK
<p>Apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama.</p>	<p>(a) Papan tanda hendaklah berbentuk segi empat tepat.</p> <p>(b) Saiz minimum papan tanda hendaklah 50sm lebar x 60sm panjang.</p>	<p>Suatu bulatan tebal dan tanda palang tebal berwarna merah yang menindih rokok berwarna hitam yang dinyalakan hendaklah digunakan sebagai ilustrasi pada papan tanda. Papan tanda itu hendaklah mempunyai latar belakang berwarna putih. Pesanan "MENJUAL HASIL TEMBAKAU KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR LAPAN BELAS TAHUN ADALAH DILARANG" hendaklah ditulis pada papan tanda itu. Huruf pesanan hendaklah berwarna hitam dan jenis huruf ialah Arial.</p>	 <p>AMARAN MENJUAL HASIL TEMBAKAU KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR LAPAN BELAS TAHUN ADALAH DILARANG</p>

Dibuat 7 September 2004
[KKM-171/02(136/2); PN(PU²)418/X]

DATO' DR. CHUA SOI LEK
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Forms

PART II

PROHIBITION ON TOBACCO PRODUCT ADVERTISEMENT AND
SPONSORSHIP, *ETC.*

4. Prohibition on tobacco product advertisement
5. Prohibition on sponsorship, *etc.*

PART III

CONTROL OF SALE OF TOBACCO PRODUCT

6. Offer, *etc.*, free sample of tobacco product
7. Tobacco product, *etc.*, as gift or prize
8. Sale of tobacco product to a minor is prohibited
9. Cigarettes to be sold in an unopened packet
10. Vending machine for tobacco product is prohibited

PART IV

PROHIBITION ON SMOKING

11. Places where smoking is prohibited
12. Duty of proprietor, *etc.*, of the premises or vehicle

PART V

PROVISIONS RELATING TO MINOR

Regulation

13. Prohibition on smoking, *etc.*, against minor
14. Display of prohibition sign

PART VI

LABELLING AND PACKAGING

15. Warning printed on cigarette container, lettering requirements, *etc.*
16. Packaging of cigarettes

PART VII

PROCEDURE FOR TAKING SAMPLE

17. Taking of sample
18. Labelling of sample
19. Request for analysis
20. Certificate of analyst

PART VIII

MISCELLANEOUS

21. Provisions relating to smoking area
22. Minister may prohibit smoking in a building or place
23. Matters relating to compounding of offences
24. Revocation of Control of Tobacco Product Regulations 1993

SCHEDULES

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT REGULATIONS 2004

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation

1. These regulations may be cited as the **Control of Tobacco Product Regulations 2004**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“public transport terminal” includes any place for purchasing tickets or for getting on and off any public transport;

“hospital” means any building used by the Government or by any person used or intended to be used for lodging, treatment and care of persons who require any form of healthcare services;

“tobacco product advertisement” means any representation, announcement, notification, information, or advertisement made in any manner to any person or to the public for the purposes of promoting directly or indirectly the sale or disposal of tobacco product, and includes advertisement—

- (a) by any pamphlet, circular, brochure, programme, price list, label or wrapper;
- (b) by displaying any poster, banner, placard, notice or other document on any wall, billboard, or on any other object or thing;
- (c) by any writing or painting on any wall, vehicle, calendar, clock, clothing or any other object or thing; or
- (d) through any communication, whether between persons and persons, things and things, or persons and things, in the form of sound, data, text, visual images, signals or other form or any combination of those forms;

“educational institution” means a school or any other place whether private or public where, in the carrying on of the work of an organization or institution, persons are habitually taught in one or more classes, and includes a kindergarten;

“higher educational institution” means an educational institution whether private or public which provides higher education leading to the award of a diploma, degree or the equivalent award, and a distance education centre;

“service counter” means a part or an area of a place or building where the business of providing counter service to the public is conducted;

“air-conditioned shop” means any shop which is air conditioned and where consumer product or service is offered or sold to the public;

“public vehicle” means any vehicle which is carrying fare-paying passengers, that is being used on land, water or air;

“clinic” means any building used by the Government, medical practitioner registered under the Medical Act 1971 [*Act 50*], dental practitioner registered under the Dental Act 1971 [*Act 51*], or any other person for the diagnosis or treatment of persons suffering from or believed to be suffering from any disease, injury or infirmity of body or mind;

“shopping complex” means any building wherein a chain of shops are situated and where consumer product or service is offered or sold to the public;

“sports complex” means any area or premises used for sports activity;

“airport” has the same meaning as in the Civil Aviation Act 1969 [*Act 3*];

“smoking” means inhaling and expelling the smoke of any tobacco product and includes the holding of or control over any ignited tobacco product;

“vending machine” means a machine or device that is constructed to contain tobacco products and which can automatically retail any tobacco product upon the insertion of a coin, token or similar object into the machine or device;

“minor” means any person who is under the age of eighteen years;

“packet” means a box which is rectangular in shape;

“healthcare services” includes—

- (a) medical, dental, nursing, midwifery, allied health, pharmacy, and ambulance services and any other services provided by a healthcare professional;
- (b) accommodation for the purpose of any service provided by any hospital;
- (c) any service for the screening, diagnosis, or treatment of persons suffering from any disease, injury or disability of mind or body;
- (d) any service for the preventive or promotive health purposes;
- (e) any service provided by any healthcare para professional;
- (f) service for curing or alleviating any abnormal condition of the human body by the application of any apparatus, equipment, instrument or device or any other medical technology; or
- (g) any health-related services;

“manufacturer” means any person who manufactures, processes, packs or labels the tobacco products;

“government premises” means any premises owned or occupied by the Federal Government or the State Government;

“healthcare professional” includes a medical practitioner, dental practitioner, pharmacist, clinical psychologist, nurse, midwife, medical assistant, physiotherapist, occupational therapist and other allied healthcare professional;

“entertainment centre” means any premises or place where public entertainment takes place and public are permitted to enter with or without payment;

“cigarette” means any product which consists wholly or partly of cut, shredded or manufactured tobacco, or of any tobacco derivative or substitute, rolled up in a single or more wrapper of paper, and which is capable of being immediately used for smoking;

“theatre” means any premises used for the performance or presentation of any stage play, or any musical, singing or dancing show or recital or any exhibition of films or any competition, sporting contest, exhibition, variety act or other entertainment, where public are permitted to enter with or without payment;

“air-conditioned eating place” means any place or any part of the place which is air-conditioned for the purpose of serving food, meals or refreshments to the public, and includes a ballroom of a hotel or any room or area on a ship or train where food, meals or refreshments are served to the passengers.

Forms

3. The forms referred to in these Regulations are those contained in the First Schedule.

PART II

PROHIBITION ON TOBACCO PRODUCT ADVERTISEMENT AND SPONSORSHIP, ETC.

Prohibition on tobacco product advertisement

4. (1) No person shall—

- (a) display or affix, or cause or permit to be displayed or affixed any tobacco product advertisement;
- (b) sell, or cause or permit to be sold any magazine, newspaper, film or video tape or anything that contains tobacco product advertisement;
- (c) distribute, or cause or permit to be distributed any tobacco product advertisement; or

(d) print, publish or take part in the publication of—

- (i) a brand name of or trade mark relating to any tobacco product advertisement; or
- (ii) any pictorial device commonly associated with a brand name of or trade mark relating to any tobacco product advertisement.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years.

(3) This regulation shall not apply to any tobacco product advertisement in or on a packing containing a tobacco product.

(4) This regulation shall not apply to—

- (a) the event of Formula 1 Grand Prix and any motor vehicle racing event held at Sepang International Circuit before 31 December 2005; and
- (b) the event of football before 31 December 2004.

Prohibition on sponsorship, etc.

5. (1) No person shall under any contract, agreement, undertaking or understanding, whether legally binding or otherwise, with another person—

- (a) promote a tobacco product in exchange for any sponsorship, gift, prize, reward, scholarship or like benefit given or agreed to be given by the other person or by any other person; or
- (b) give or agree to give any sponsorship, gift, prize, reward, scholarship or like benefit in exchange for the promotion of a tobacco product by the other person.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years.

(3) This regulation shall not apply to—

- (a) the event of Formula 1 Grand Prix and any motor vehicle racing event held at Sepang International Circuit before 31 December 2005; and
- (b) the event of football before 31 December 2004.

PART III

CONTROL OF SALE OF TOBACCO PRODUCT

Offer, etc., free sample of tobacco product

